

TEORI DAN KONSEP PENTERJEMAHAN (BAHASA ARAB – BAHASA MELAYU)

Oleh : Dr. Mohd. Hilmi b. Abdullah*

Abstrak

Bidang penterjemahan adalah satu bidang yang semakin penting, khususnya dalam dunia tanpa sempadan sekarang ini. Kemahiran dalam penterjemahan membolehkan seseorang itu menyampaikan maklumat dari bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran dengan lebih baik dan mudah difahami. Namun begitu, bukan semua orang yang bersifat dwibahasa boleh menjadi penterjemah yang baik. Hal ini kerana seseorang yang telah memenuhi syarat-syarat tertentu sahaja yang layak dipanggil sebagai penterjemah. Oleh itu, seseorang penterjemah itu haruslah mempunyai persiapan yang secukupnya sebelum memulakan proses penterjemahan yang dianggap oleh sesetengah pihak kononnya boleh dilakukan secara sambil lewa dan wewenang sahaja.

The field of translation has gradually become important especially in the era of globalization. The skill in translation will enable one to convey the information from a source language to target language with ease. However not all bilinguals can be good translators. This is because only those who fulfilled certain criteria are qualified to be translators. In short, a translator needs to be well prepared before he or she embarks in the translation process. Some people have misunderstood translation and taken it for granted or done it in haphazard manner.

تكون الترجمة مجالاً مهماً وخصوصاً بعد أن تكون الأرض لا حدود لها وتكون السماء مفتوحة ستقفها في هذا العصر الحديث . فالمهارة في الترجمة التي يملكها أحد تفيد في إيصال المعلومات من اللغة المصدرية إلى اللغة الهدفية بأسلوب جيد . وعلى الرغم من ذلك فليس كل من يكون له مهارة التكلم في اللغتين يصلح له أن يكون مترجماً جيداً . وذلك لأن من تتوفر له الشروط المعينة فقط يصلح أن يكون مترجماً ويسمى به . وعلى ذلك فعلى المترجم أن يكون له استعداد تام قبل أن يبدأ بأعمال الترجمة التي يقطن البعض أنها شيء بسيط يستطيع أن يفعلها أحد بطريق ساذجة .

* Pensyarah Bahasa Arab KIAS

Pendahuluan

Ramai orang menganggap terjemahan adalah suatu perkara yang mudah. Ironinya, jika seseorang itu boleh memahami sesuatu bahasa, maka ia juga dianggap layak untuk menterjemah ilmu di dalam bahasa tersebut ke dalam bahasa ibundanya. Tetapi mereka sebenarnya lupa bahawa ilmu penterjemahan, sama juga seperti ilmu-ilmu yang lain, mempunyai teori-teori, disiplin-disiplin dan kaedah-kaedahnya yang tersendiri. Dengan teori, disiplin dan kaedah tersebutlah, maka ilmu penterjemahan pada hari ini telah berdiri menjadi satu cabang ilmu yang tersendiri dan memerlukan kemahiran yang tertentu untuk menguasainya.

Kelayakan Menterjemah

Seseorang yang ingin menjadi penterjemah yang baik perlulah dapat memenuhi empat syarat utama seperti berikut :-

Mengetahui Bahasa Sumber

Bahasa sumber bermaksud bahasa asal yang akan diterjemahkan ke dalam bahasa kedua. Pengetahuan dalam bahasa sumber mestilah berupa pengetahuan yang mendalam, termasuk mengetahui selok-belok keistimewaan dan keganjilan bahasa tersebut supaya ia dapat mentafsirkan maksudnya dengan tepat.

Mengetahui Bahasa Penerima

Bahasa penerima bermaksud bahasa ke dalam mana teks asal itu akan diterjemahkan. Seseorang penterjemah itu, selain perlu menguasai bahasa sumber dengan baik, ia mestilah juga dapat menguasai bahasa penerima dengan *lebih baik* lagi. Ini bermakna, jika ia mahu menterjemah daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, ia hendaklah mengetahui bahasa Melayu dengan lebih baik daripada bahasa Arab, atau sekurang-kurangnya sama baik dalam kedua-dua bahasa tersebut.

Pengetahuan Dalam Bidang Yang Diterjemahkan

Syarat yang ketiga ini bertujuan agar makna atau maklumat yang terkandung dalam teks asal dapat dipindahkan dengan tepat dan sempurna daripada bahasa sumber ke dalam bahasa penerima. Oleh itu, jika penterjemah itu mahu menterjemah teks dalam bidang

kedoktoran misalnya, ia hendaklah mengetahui bidang tersebut dengan sebaiknya, atau sekurang-kurangnya ia hendaklah mendapat tunjuk ajar daripada mereka yang pakar dalam bidang tersebut.

Mengetahui Teori dan Amalan Terjemahan

- Bidang penterjemahan, seperti bidang-bidang ilmu yang lain, telah berkembang dan telah melahirkan teori dan kaedah ilmiahnya yang tersendiri. Contohnya, untuk menterjemahkan hasil sastera, seseorang penterjemah itu bukan setakat mencari perkataan-perkataan padanan, tetapi juga bertanggungjawab memindahkan idea, maklumat dan gaya teks yang diterjemahkan. Ini bererti penterjemahan perlu dibantu oleh ilmu pengetahuan yang secukupnya di dalam bidang teori dan kaedah terjemahan semasa menjalankan tugas yang sukar tersebut¹

Definisi Terjemahan

Menurut Eugene A. Nida², penterjemahan ialah “*penyalinan semula ke dalam bahasa penerima maklumat daripada bahasa asal dalam bentuk persamaan yang terdekat dan bersahaja; pertama dari segi maknanya dan kedua dari segi gayanya*”. Daripada definisi di atas, terdapat enam aspek penting yang perlu difahami, iaitu :-

Penyalinan Semula Maklumat

Penyalinan semula maklumat bermaksud penterjemah menyalin semula maklumat yang terkandung di dalam teks asal ke dalam bahasa penerima. Ini bermakna tugas penterjemah ialah memindahkan makna yang dikehendaki oleh penulis dan bukannya menterjemah perkataan yang digunakan oleh penulis. Jika penterjemah hanya menterjemah perkataan, tetapi tidak memindahkan makna, maka ia telah melakukan kesilapan dalam tugasnya. Oleh itu, penterjemah perlu membuat penyesuaian semula pada tatabahasa dan perkataan.

Contohnya ayat :- رجع محمد إلى مسقط رأسه hendaklah diterjemahkan seperti berikut : “*Muhammad telah pulang ke tempat asal kelahirannya*” dan bukannya diterjemahkan seperti berikut : “*Muhammad telah pulang ke tempat jatuh kepalanya*”. Hal ini kerana perkataan رجع مسقط رأسه dalam

ayat tersebut bermaksud "*tempat lahir*" dan bukannya "*tempat jatuh kepala*".

Implikasinya di sini ialah, demi mengekalkan makna, penterjemah boleh mengubah gaya penulis asalnya. Namun begitu, pada masa yang sama penterjemah tidak boleh sewenang-wenangnya menambah perkataan-perkataan yang tiada kaitan dengan maklumat yang hendak disampaikan sehingga boleh mengubah makna asal yang dikehendaki oleh penulis.

Contohnya, jika penterjemah menterjemah ayat di atas seperti berikut : "*Muhammad telah pulang ke tempat asal kelahiran dan pembesarannya*" bermakna ia telah menambah maklumat yang mungkin tidak tepat. Ini kerana "*tempat lahir*" tidak semestinya membawa maksud "*tempat seseorang itu dibesarkan*" kerana boleh jadi ia dilahirkan di tempat yang lain dan dibesarkan di tempat yang lain pula.

Persamaan Lawan Keserupaan

Tugas penterjemah ialah mencari bentuk-bentuk yang sama dan bukannya yang serupa, iaitu dengan maksud, penterjemah menyalin semula maklumat, bukan menyalin bentuk bagaimana maklumat itu diungkapkan.

Contohnya ayat :- اشترت أربعة رؤوس البقرات hendaklah diterjemahkan seperti berikut : "Saya membeli empat ekor lembu" dan bukannya : "Saya membeli empat kepala lembu". Hal ini bertujuan agar kedua-dua ayat tersebut membawa erti yang sama.

Persamaan Terdekat

Persamaan terdekat membawa maksud bahawa seseorang penterjemah itu tidak mungkin boleh menggunakan persamaan yang tepat semasa menterjemah. Hal ini terjadi kerana tidak ada dua perkataan yang betul-betul serupa maknanya di antara dua bahasa yang berlainan.

Contohnya perkataan ضرب dalam bahasa Arab tidak boleh dikatakan menjadi persamaan yang tepat bagi perkataan "pukul" dalam bahasa Melayu kerana perkataan ضرب mempunyai banyak lagi makna yang lain yang kebanyakannya bergantung kepada konteks ayat. Oleh itu,

penterjemah hendaklah menggunakan istilah yang paling dekat dengan perkataan asal bahasa tersebut.

Persamaan Bersahaja

Yang dimaksudkan dengan persamaan bersahaja ialah terjemahan yang dihasilkan tidak 'berbau' terjemahan langsung apabila dibaca, malah ia terasa seolah-olah sebuah karya asli yang ditulis oleh seorang penulis tempatan. Oleh itu, terjemahan tersebut mestilah mengandungi ciri-ciri asli bahasa Melayu dan jangan sekali-sekali memaksa bahasa Melayu mengambil bentuk-bentuk tatabahasa yang asing baginya.

Contohnya, ayat berikut :- *ولما رأيها فيمحيي جمالها* adalah salah sekiranya diterjemahkan seperti berikut : "Setelah saya melihatnya, maka kecantikannya itu mengagumkan saya". Hal ini kerana terjemahan tersebut terpengaruh dengan tatabahasa bahasa Arab yang menjadikan makna "cantik" dalam ayat tersebut sebagai "pelaku" kepada kata kerja "kagum", sedangkan kaedah pengungkapan asli bahasa Melayu menghendaki makna "cantik" tersebut menjadi "objek" kepada kata kerja "kagum". Oleh itu, terjemahan yang lebih tepat sepatutnya ialah : "Setelah saya melihatnya, saya kagum dengan kecantikannya".

Keutamaan Makna

Di dalam sesuatu terjemahan, makna adalah elemen yang paling diutamakan berbanding perkataan. Dalam hal ini, penterjemah kadang kala perlu membuat perubahan-perubahan yang tertentu supaya makna tersebut dapat dikekalkan dalam bahasa penerima.

Contohnya, ayat :- *أبواب الامتحان مغلقة للنائمين* tidak sepatutnya diterjemahkan sebagai : "Pintu-pintu peperiksaan tertutup bagi mereka yang tidur", tetapi hendaklah diterjemahkan seperti berikut : "Pintu peperiksaan tertutup bagi mereka yang malas". Hal ini kerana perkataan *النائمين* tersebut bermaksud "mereka yang malas" dan bukannya "mereka yang tidur".

Kepentingan Gaya

Selain daripada makna, unsur gaya atau stail juga penting dalam penterjemahan. Hal ini kerana gaya yang baik dalam terjemahan akan

menimbulkan kesan yang baik terhadap orang yang membaca terjemahan tersebut. Dalam hal ini, reaksi yang dialami oleh pembaca terjemahan mestilah serupa dengan reaksi yang dialami pembaca teks asal. Sekiranya pembaca teks asal berasa apa yang dibacanya itu mudah difahami, maka pembaca teks terjemahan juga mestilah berasa teks terjemahan itu mudah difahami. Kalau pembaca teks asal itu yakin teks itu adalah karya asli dalam bahasa Arab, maka pembaca teks terjemahan juga mesti yakin teks terjemahan itu sebenarnya adalah teks asli dalam bahasa Melayu, bukan teks terjemahan³.

Prinsip-Prinsip Terjemahan

Pada tahun 1540, Etienne Dolet telah mengemukakan prinsip-prinsip terjemahan seperti berikut :-

1. Penterjemah hendaklah benar-benar memahami isi dan hasrat penulis teks asal.
2. Penterjemah mestilah menguasai dengan baik bahasa asal dan bahasa penerima terjemahan itu.
3. Penterjemah tidak boleh menterjemah perkataan demi perkataan kerana perbuatan tersebut akan merosakkan makna asal teks tersebut dan menyebabkan terjemahan itu tidak indah lagi apabila dibaca.
4. Penterjemah hendaklah menggunakan bentuk-bentuk bahasa yang biasa digunakan dalam bahasa penerima untuk menggantikan bentuk-bentuk bahasa asalnya.
5. Penterjemah mestilah mencipta semula kesan dan semangat keseluruhan teks asal.

Pada tahun 1789, George Campbell menulis sebuah buku yang menerangkan sejarah dan teori terjemahan. Dalam buku tersebut beliau telah menurunkan tiga prinsip terjemahan yang baik, iaitu :-

- 1) Penterjemah hendaklah mengekalkan makna yang terkandung dalam teks asal, bukan mengekalkan unsur-unsur seperti perkataan, susunan ayat dan gaya bahasa.
- 2) Penterjemah mesti mengekalkan semangat dan sifat-sifat teks asal tetapi dengan cara penterjemah menggunakan ciri-ciri dan keistimewaan-keistimewaan yang ada pada bahasa penerima.
- 3) Penterjemah hendaklah memastikan supaya terjemahan itu terasa seolah-olah ia adalah karya asli, bukan karya terjemahan, supaya

terjemahan itu sangat mudah dibaca dan difahami serta gaya bahasanya adalah yang bersahaja.

Pada tahun 1970, Alexander Fraser Tytler telah mengemukakan tiga prinsip terjemahan dalam buku beliau *The Principles of Translation*, iaitu :-

- 1) Sesuatu terjemahan itu hendaklah mengekalkan semua makna yang terkandung dalam teks asal.
- 2) Stail dan gaya bahasa terjemahan itu mestilah sama sifatnya dengan stail dan gaya teks asal.
- 3) Terjemahan itu mestilah dirasakan seolah-olah ia adalah karya asli.

Dalam buku tersebut juga, Tytler telah memperkenalkan teknik-teknik moden dalam penterjemahan yang boleh digunakan sehingga kini. Menurut beliau :-

- 1) Penterjemah boleh membuat tambahan-tambahan sekiranya hal itu penting bagi mengekalkan makna asal, atau pun apabila dengan memberikan tambahan itu, ia dapat menjelaskan lagi hal tersebut.
- 2) Jumlah perkataan boleh dikurangkan apabila perkataan-perkataan itu tidak ada fungsi penting, iaitu dengan mengurangkan jumlah itu, ia tidak mengurangkan ataupun mencacati makna asal, malah membuat makna asal itu lebih jelas lagi.
- 3) Apabila makna teks asal itu kabur, penterjemah mesti membuat keputusan sendiri dan memilih makna yang paling secocok dengan konteks, ataupun ia paling selaras dengan jalan pemikiran penulisnya. Penterjemah tidak patut mengekalkan kekaburan makna pada teks asal kerana perbuatan tersebut adalah suatu kesalahan. Kesalahan yang lebih besar lagi ialah apabila makna yang jelas dalam teks asal menjadi kabur dalam terjemahannya⁴.

Faktor-Faktor Terjemahan

Sebelum memulakan proses penterjemahan, seseorang penterjemah itu mestilah mengambil kira beberapa faktor yang berkaitan dengan golongan pembaca yang menjadi sasaran mereka. Antara faktor tersebut ialah :-

Taraf Pendidikan

Golongan yang berpendidikan tinggi boleh memahami banyak istilah teknikal dalam bidang pengkhususan mereka. Oleh itu, istilah-istilah teknikal boleh dikekalkan tanpa perlu diberi penerangan tentangnya. Selain itu, ayat-ayat yang kompleks dalam teks asal juga boleh dikekalkan kerana mereka yang berpendidikan tinggi mempunyai keupayaan memahami struktur ayat-ayat seperti itu. Sehubungan itu, sekiranya anda menterjemah sebuah buku atau artikel dalam bidang teknikal untuk dibaca oleh golongan awam, maka terjemahan tersebut perlulah disertai dengan frasa penerang berkaitan istilah-istilah teknikal tersebut.

Minat

Sekiranya anda menterjemah sebuah artikel dalam bidang sukan, katakanlah bola sepak, kepada golongan yang meminati bidang tersebut, anda tidak perlu menterjemah istilah-istilah khusus berkaitan dengan sukan tersebut, walaupun mungkin golongan pembaca sasaran anda itu tidak berpendidikan tinggi. Hal ini kerana mereka yang berpendidikan tinggi sekalipun, sekiranya ia tidak meminati sesuatu bidang, ia tidak akan mengetahui banyak istilah dalam bidang tersebut.

Umur

Sekiranya anda menterjemah untuk dibaca oleh golongan tua, anda sepatutnya tidak banyak menggunakan atau mengekalkan istilah-istilah dalam bahasa Inggeris yang mungkin tidak difahami oleh mereka, khususnya istilah-istilah yang baru sahaja dipinjam ke dalam bahasa Melayu. Sebaliknya jika anda menterjemah untuk dibaca oleh orang-orang muda, perkataan-perkataan seperti *nawaitu*, *mauduk*, *waima* dan *iktisad* contohnya mungkin tidak difahami oleh golongan tersebut.

Negara Asal Pembaca

Sesuatu karya yang ditulis dalam bahasa Arab kebiasaannya adalah untuk dibaca oleh orang-orang Arab. Oleh itu, semua perkataan yang digunakan di dalam karya asal itu difahami oleh pembacanya. Apabila karya itu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu untuk bacaan orang-orang Melayu di Malaysia, pembaca terjemahan itu mungkin belum pernah sampai ke mana-mana negara Arab. Oleh

itu, sesetengah perkataan yang digunakan dalam karya itu mungkin tidak diketahui olehnya.

Contohnya perkataan *الهُدُج* tidak mungkin boleh difahami sekiranya seseorang pembaca terjemahan itu belum pernah melihat objek tersebut atau mendengar tentangnya. Oleh itu, penerangan tentang objek tersebut hendaklah dibuat oleh penterjemah.

Jantina

Menterjemah sesuatu teks atau karya sastera misalnya memerlukan seseorang penterjemah itu mahir mengeksploitasi emosi pembaca terjemahan tersebut. Hal ini kerana emosi pembaca lelaki berlainan dengan emosi pembaca perempuan. Oleh itu, sekiranya karya sastera itu ditujukan kepada pembaca wanita, maka penterjemah hendaklah memilih perkataan-perkataan yang sesuai dengan golongan tersebut.

Fungsi Terjemahan

Sesetengah bahan terjemahan bukan sahaja untuk dibaca, tetapi kadang-kadang untuk dilakukan atau dibaca di dalam sesuatu majlis. Oleh itu, cara terjemahan itu dibuat hendaklah mengambil kira faktor-faktor tersebut. Dalam hal ini, bahan terjemahan yang akan dijadikan pidato misalnya, mestilah bersifat seolah-olah pemedato tersebut bukan membaca teks terjemahan, tetapi sedang berpidato secara spontan. Begitu juga, jika bahan terjemahan itu akan dilakukan, maka panjang pendek nafas seseorang pelakon itu juga patut diberi perhatian⁵

Proses Penterjemahan

Sebelum seseorang penterjemah itu berjaya menghasilkan sesuatu terjemahan, ia hendaklah terlebih dahulu melalui beberapa proses seperti berikut :-

- 1) Membaca secara sepintas lalu untuk mendapatkan gambaran umum tentang tema buku serta gaya bahasa pengarangnya.
- 2) Menyediakan bahan-bahan rujukan seperti kamus dwi bahasa, kamus istilah dan bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan teks yang akan diterjemahkan.

- 3) Membaca kali yang kedua secara teliti untuk menghayati isi dan bahasa buku tersebut serta mentaksirkan sejauh mana mudah dan sukarnya setiap bahagian.
- 4) Menterjemah secara sistematik untuk mendapatkan draf yang pertama.
- 5) Menyemak dan memeriksa semula draf pertama untuk mengesan sebarang kekurangan atau kesilapan.
- 6) Memperbaiki draf pertama untuk menghasilkan manuskrip.
- 7) Manuskrip dinilai mutunya oleh seorang penilai yang berkeelayakan.
- 8) Komen dan cadangan daripada penilai dipertimbangkan oleh penterjemah.
- 9) Penterjemah menulis semula manuskrip dan memperbaikinya⁶.

Walau bagaimanapun, seseorang penterjemah yang sudah mencapai tahap profesional tidak perlu lagi kepada proses ke-7, 8 dan 9 di atas, malah ketiga-tiga proses tersebut dilakukan olehnya sendiri tanpa perlu merujuk kepada orang lain. Ini bermakna, seseorang penterjemah profesional seharusnya boleh melakukan proses penterjemahan dan penyuntingan secara serentak.

Peralatan Penterjemahan

Peralatan penterjemahan terbahagi kepada dua kategori, iaitu peralatan mesin dan peralatan rujukan.

Peralatan Mesin

Peralatan mesin dalam konteks penterjemahan hari ini ialah komputer dan peralatan-peralatan yang berkaitan dengannya seperti printer, mesin pengimbas dan sebagainya. Justeru itu, setiap penterjemah seharusnya boleh menggunakan komputer sekurang-kurangnya pada tahap untuk membolehkan mereka menaip teks terjemahan serta membuat beberapa perkara yang kadang kala berkaitan dengan terjemahan seperti jadual, carta dan sebagainya. Sehubungan itu, seseorang penterjemah seharusnya boleh menggunakan program Microsoft Word, Microsoft Exel dan Microsoft Power Point serta tahu cara-cara menggunakan mesin pengimbas.

Peralatan Rujukan

Peralatan rujukan adalah merujuk kepada kamus, buku rujukan, cakera padat, internet dan segala perkara yang memungkinkan penterjemah itu mendapat faedah rujukan dalam kerja-kerja penterjemahannya. Dalam konteks penterjemahan daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, seseorang penterjemah itu seharusnya memiliki tiga jenis kamus seperti berikut :-

- 1) Kamus dwi bahasa
- 2) Kamus eka bahasa
- 3) Kamus istilah

Kamus dwi bahasa pula terbahagi kepada lima jenis seperti berikut :-

- 1) Kamus Arab – Melayu : Contohnya, *Qamus al-Marbawiy*.
- 2) Kamus Melayu – Arab
- 3) Kamus Arab – English : Contohnya, kamus *Al-Mawrid*.
- 4) Kamus English – Arab : Contohnya, kamus *Al-Mawrid*.
- 5) Kamus English – Melayu : Contohnya, *Kamus Inggeris Melayu Dewan*.

Kamus eka bahasa pula terbahagi kepada dua jenis, iaitu :-

- 1) Kamus Arab – Arab : Contohnya, *Al-Mu'jam al-Wasit*, *Lisan al-'Arab* dan *al-Munjid*.
- 2) Kamus Melayu – Melayu : Contohnya, *Kamus Dewan*.

Dalam hal ini, seseorang penterjemah itu seharusnya mengetahui kelebihan dan kelemahan sesebuah kamus. Hal ini bertujuan agar ia mengetahui kamus manakah yang perlu dirujuk olehnya apabila ia menghadapi sesuatu masalah. Selain itu, ia juga perlu mempunyai kamus istilah dan buku-buku rujukan yang cukup dalam bidang yang ingin diterjemahkan, khususnya sekiranya ia mahu menterjemah buku atau teks ilmiah atau cabang-cabang ilmu yang berbentuk teknikal.

Selain kamus, seseorang penterjemah juga boleh mendapatkan bahan rujukan mereka melalui cakera padat, malah sudah banyak kamus dan buku rujukan yang berada dalam pasaran kini boleh didapati dalam bentuk cakera padat. Selain itu, penterjemah juga seharusnya mahir memanipulasi kemudahan internet bagi memudahkan kerja-kerja penterjemahan.

Sifat-Sifat Penterjemah

Melalui perbincangan di atas, khususnya di awal artikel ini, antara sifat utama yang perlu ada pada seseorang penterjemah adalah seperti berikut :-

- 1) Jujur dan amanah
- 2) Sabar
- 3) Bersifat kreatif dalam membina ayat
- 4) Bersedia menerima kritikan
- 5) Mempunyai pengetahuan yang luas dalam pelbagai bidang
- 6) Cinta dan sentiasa ingin menambahkan ilmu pengetahuan
- 7) Suka membaca dan belajar
- 8) Boleh berada di hadapan komputer dalam tempoh masa yang lama
- 9) Berhati-hati
- 10) Tidak jemu membelek kamus
- 11) Tidak malu untuk bertanya
- 12) Mementingkan penjagaan kesihatan

Penutup

Semoga artikel yang ringkas ini memberi sedikit sebanyak panduan kepada mereka yang bercita-cita ingin menceburi bidang penterjemahan sama ada sebagai penterjemah sepenuh masa mahu pun penterjemah sambilan.

NOTA Hujung

- 1 Ainon Muhammad, 1985. Panduan Menterjemah. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. hlm: 1 – 2.
- 2 Abdullah Hassan dan Ainon Mohd., 2001. Teori dan Teknik Terjemahan, PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur hlm: 72.
- 3 Ibid hlm: 72 – 75.
- 4 Ibid hlm: 69 – 72.
- 5 Ibid hlm: 62 – 64.
- 6 Abdul Hadi b. Abdullah, 1998. Kajian Makna Dalam Penterjemahan, Fakulti Bahasa & Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. hlm: 34 – 35 .